AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

# Teliti semula harga siling kit RTK-Ag

*Dari Muka 1*

*BH* pada 1 Ogos 2020 pernah melaporkan, terdapat pengilang pelitup muka di negara ini didakwa mengeksport produknya yang berkualiti ke luar negara berikutan harganya yang lebih tinggi, manakala yang berkualiti sederhana dan rendah dijual di pasaran tempatan.

Ini didakwa disebabkan kerajaan mengkategorikan pelitup muka sebagai barangan kawalan dan menetapkan harga siling RM1.50 sekeping ketika ini dan RM1.20 mulai 15 Ogos 2020 lalu.

Perkara itu didedahkan Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George, yang mendakwa menerima laporan daripada beberapa pihak sejak pandemik COVID-19 bermula.

George berkata, beberapa isu berkaitan penggunaan pelitup muka tercetus selepas kerajaan memutuskan untuk mewajibkan penggunaannya di tempat awam, khususnya berkaitan kualiti yang dijual di pasaran.

Menurut garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), untuk pelitup muka fabrik, lapisan paling dalam perlu menyerap air seperti kapas; lapisan tengah perlu dihasilkan daripada bahan polipropilena tanpa jahitan yang bertindak sebagai penapis; dan lapisan luar perlu kalis air seperti poliester.

WHO turut menyarankan pelitup muka perubatan pula digunakan petugas kesihatan, individu tidak sihat, yang menunggu keputusan COVID-19 atau disahkan positif, dan mereka yang menjaga individu disyaki atau pesakit COVID-19.

Dalam perkembangan berkaitan, Nanta ketika menjawab soalan asal Cha Kee Chin (PH-Rasah) pada sesi Pertanyaan Menteri memaklumkan, kerajaan juga sedang meneliti keperluan mengkaji semula harga siling untuk Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 (RTK-Ag) di pasaran yang dilihat antara barang keperluan rakyat ketika ini.

Ketika ini harga ditetapkan pada peringkat runcit ialah RM19, manakala RM16 pada peringkat borong mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Dari aspek keberadaan bekalan di pasaran, kerajaan mewartakan kit ujian pantas ini sebagai barang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No.6) 2021 pada 24 November 2021 dan dikuatkuasakan pada 1 Disember lalu.

"Kita sentiasa memastikan bekalan kedua-dua barangan ini mencukupi dan mampu menampung permintaan tinggi, lebih-lebih lagi ketika ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, KPDNHEP bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Peranti (MDA) Kementerian Kesihatan bagi memastikan hanya kit ujian yang diluluskan berada di pasaran.

MDA katanya, sudah menjalankan lapan serbuan dan 10 sitaan ke atas syarikat yang mengedarkan kit ujian tanpa kelulusan dan lesen sah, bagi memastikan hanya kit ujian menepati piawaian dipasarkan kepada pengguna.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NASIONAL**

Fasa peralihan endemik

# Rakyat diingat usah leka, abai SOP

## Elak undang kesan negatif kepada sistem kesihatan, lonjakan kes

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Rakyat Malaysia dinasihati supaya tidak terlalu teruja dengan proses negara ke fasa peralihan endemik sehingga mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) berikutan peratusan vaksinasi COVID-19 belum mencapai tahap yang mencukupi.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata jumlah vaksinasi kanak-kanak masih rendah dan ia boleh mendatangkan masalah jika SOP pencegahan COVID-19 diabaikan.

Beliau berpandangan, fasa peralihan endemik sepatutnya berlangsung selepas jumlah peratusan vaksinasi mencukupi dan kanak-kanak divaksin secukupnya untuk mengelakkan lonjakan kes berlaku seperti yang terjadi di Hong Kong dan Korea Selatan.

"Apa yang paling kami gusarkan ketika ini adalah jumlah vaksinasi kanak-kanak yang masih rendah iaitu sekitar 30 peratus sahaja. Apabila rakyat mula 'bebas dan bercanda', maka kumpulan ini yang paling terkesan.

"Mereka akan berdepan peningkatan jangkitan dan dibimbangi sindrom keradangan pelbagai sistem dalam kanak-kanak (MISC) yang mengakibatkan masalah kepada paru-paru, jantung dan saraf akan meningkat. Kadar kematian MISC juga akan meningkat kerana ketika ini pakar sudah menyatakan terdapat 174 kes MISC dalam kalangan kanak-kanak.

"Kebimbangan terbesar adalah rakyat bebas berjalan-jalan dan bercanda sehingga lupa bahawa COVID-19 ini masih ada dan mula mengabaikan SOP disebabkan penguatkuasaan yang mula tidak ketara," katanya kepada *BH*.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sebelum ini mengumumkan Malaysia akan memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April ini, iaitu fasa peralihan untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Dalam fasa peralihan ini, sepuluh keperluan ditetapkan untuk dipatuhi iaitu pemakaian pelitup muka ketika di tempat awam, waktu operasi premis mengikut lesen atau permit, menjaga kebersihan tangan, melakukan ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan Strategi Pengujian Kebangsaan (National Testing Strategi), menguruskan kes yang disyaki atau disahkan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM).

Selain itu, menggunakan MySejahtera dan MySJTrace untuk pendaftaran kemasukan, memastikan penjarakan fizikal satu meter, memastikan pengudaraan yang baik, memastikan kebersihan premis dan mematuhi keperluan vaksinasi untuk aktiviti tertentu.

Mengulas mengenai kelonggaran yang ditetapkan dalam fasa peralihan endemik, Dr Sharifa Ezat berkata, kerajaan perlu meningkatkan lagi pengawasan COVID-19 kerana bilangan kes yang masih tinggi.

"Kita risau kes tiba-tiba akan mencanak terlalu tinggi disebabkan rakyat akan meneruskan kehidupan hampir kepada normal. Kementerian Kesihatan perlu bersedia dengan langkah tertentu, termasuk dalam soal pengawasan kes," katanya.

# Pelancong kena muat turun aplikasi MySejahtera

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan protokol ketibaan bagi pengembara yang tiba di Malaysia apabila sempadan antarabangsa negara dibuka bermula 1 April ini.

Menurut infografik yang dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, protokol pertama adalah sewaktu sebelum pengembara berlepas dari negara mereka perlu memuat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera.

Pengembara perlu mengisikan borang prapelepasan di MySejahtera di ruangan ikon 'pengembara'.

"Dua hari sebelum berlepas pengembara yang pernah dijangkiti perlu menjalani saringan sama ada Ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) atau Kit ujian pantas (RTK) Antigen profesional perlu dilaksanakan dalam tempoh 60 hari sebelum berlepas.

"Mereka juga perlu membeli insurans COVID-19 dan perjalanan," katanya yang menjelaskan protokol ini akan bermula 1 April ini.

Bagi protokol sejurus tiba di Malaysia, pemeriksaan suhu di kalangan pengembara akan dilakukan.

"Ujian RTK-Ag Profesional dilakukan di fasiliti swasta di lapangan terbang sejurus tiba atau di fasiliti swasta ujian apabila meninggalkan sempadan dalam masa 24 jam sebelum masa ketibaan," katanya.

# Hampir separuh kematian dilapor kes tertunggak



*48 kes daripada 113 kematian akibat COVID-19 kelmarin adalah kes tertunggak atau dilaporkan melebihi tempoh 72 jam.* (Foto hiasan)

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan sebanyak 42 peratus atau 48 kes daripada jumlah keseluruhan 113 kes kematian yang dilaporkan kelmarin adalah kes kematian tertunggak atau dilaporkan melebihi tempoh 72 jam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes kematian yang dilaporkan kelmarin, hanya 65 kematian atau 58 peratus yang dilaporkan menepati masa pelaporan dalam tempoh yang ditetapkan.

"Sejak 1 Mac lalu, proses pengumuman laporan kematian disebabkan oleh COVID-19 sudah ditambah baik di mana kematian perlu dilaporkan dalam tempoh 72 jam dengan sasaran yang ditetapkan adalah 80 peratus daripada jumlah kes kematian yang secara langsung dapat mengurangkan pelaporan kes lewat atau 'backlog'.

"Secara purata, dari 1 Mac hingga 8 Mac lalu, sebanyak 77 peratus daripada laporan kematian adalah menepati tempoh ini. Ini menunjukkan bahawa pematuhan kepada pelaporan kematian dari lapangan didapati kian bertambah baik daripada sebelum ini.

"Bagaimanapun, semalam (kelmarin) daripada 113 kematian yang diumumkan, didapati hanya 65 kematian atau 58 peratus yang dilaporkan adalah menepati masa pelaporan dalam tempoh 72 jam, manakala selebihnya dilaporkan melebihi tempoh berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semakan pihaknya dengan semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mendapati bahawa kelewatan pelaporan kematian berkenaan adalah disebabkan faktor teknikal.

"Sebagai contoh, kes kematian yang berlaku di hospital daerah yang terletak di kawasan pedalaman termasuk kes Brought in Dead (BID) dan memerlukan siasatan lanjut serta laporan daripada pakar perlu dikendalikan oleh hospital besar yang berdekatan.

"Namun begitu, faktor kelewatan ini sudah diteliti dan langkah penambahbaikan, bagi memastikan ketepatan masa atau 'timeliness' pelaporan kematian COVID-19 di Malaysia dapat dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu, mengenai kes jangkitan harian, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 30,246 kes dilaporkan setakat kelmarin sekali gus menjadikan jumlah individu yang dijangkiti virus berkenaan adalah 3,711,199 kes.

Daripada jumlah berkenaan, 29,828 kes membabitkan penularan tempatan dengan 418 kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Paling tinggi kategori yang dikesan semalam (kelmarin) adalah kategori dua iaitu sebanyak 20,226 kes atau 66.87 peratus, ia diikuti kategori satu (9,797), kategori tiga (115 kes) dan masing-masing 54 kes membabitkan kategori tempat dan lima.

"Daripada jumlah keseluruhan 223 kes bagi kategori tiga hingga lima, sebanyak 53.81 peratus atau 120 kes membabitkan individu berusia 60 tahun keatas, sudah menerima dua dos vaksin namun tiada dos penggalak (107 kes), masing-masing 58 kes daripada individu yang sudah menerima dos penggalak serta tidak divaksinasi atau belum lengkap.

"Selain itu turut dilaporkan dalam kategori berkenaan ialah individu yang mempunyai komorbid iaitu dengan 53 kes serta seorang ibu mengandung," katanya.

Secara keseluruhannya, daripada jumlah kes aktif di negara ini, sebanyak 388 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 158 kes disahkan COVID-19 serta 230 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Dalam pada itu, sebanyak 26,653 kes sembuh dilaporkan kelmarin, menjadikan hingga kini terdapat sebanyak 3,367,542 individu sudah pulih daripada jangkitan berkenaan.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Syor tindakan tegas jika salah guna MySejahtera



## MEF cadang majikan wajibkan ujian saringan disahkan klinik panel syarikat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mengesyorkan tindakan berat diambil termasuk mendakwa di mahkamah individu cuba menyalahgunakan aplikasi MySejahtera atau pengisytiharan palsu dijangkiti COVID-19 bagi membolehkan mereka mendapat cuti sakit.

Presidennya, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata tindakan pekerja mengambil kesempatan termasuk mendakwa kononnya menjadi kontak rapat bagi mengelak datang bekerja dilakukan susulan kes jangkitan COVID-19 yang semakin meningkat.

Berikutan itu, beliau berkata, MEF juga mencadangkan majikan mewajibkan ujian saringan COVID-19 yang dilaporkan pekerja itu disahkan klinik panel syarikat, klinik kesihatan atau hospital kerajaan sebelum pekerja dibenar bercuti sakit berbayar.

Katanya, tindakan tegas termasuk mengheret individu terbabit ke mahkamah jika terbukti melakukan kesalahan itu perlu dilakukan bagi memberi pengajaran supaya kes sama tidak berulang.

"Langkah sedemikian dapat mengelak manipulasi berlaku kerana majikan menanggung kos tinggi akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu. Ujian saringan disahkan pihak berkuasa kesihatan akan dapat mengelak majikan daripada ditipu pekerja yang mahu mengambil kesempatan," katanya.

Syed Hussain berkata, langkah kerajaan benarkan orang ramai termasuk pekerja melakukan ujian COVID-19 kendiri dan mengemas kini status kesihatan masing-masing tanpa pengesahan doktor boleh mendedahkan sistem MySejahtera kepada manipulasi pihak berkepentingan.

Katanya, wujud kemungkinan pekerja menipu status kesihatan mereka untuk tidak datang bekerja dan hari tidak bekerja itu diisytihar cuti sakit bergaji.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata penjawat awam yang memanipulasi status kesihatan mereka menggunakan aplikasi MySejahtera akan dikenakan tindakan tegas kerana ia menyalahi amalan integriti diamalkan selama ini.

Katanya, ketika ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) belum menerima laporan berhubung perkara itu, namun jika terdapat fakta berkaitan, tindakan tegas akan dilaksana tanpa kompromi.

"Kita tidak bercakap tanpa sebarang bukti, malah saya sendiri percaya dengan integriti penjawat awam negara yang tidak melakukan perbuatan itu.

"Tetapi sekiranya ada fakta yang boleh membuktikan kesalahan itu dilakukan, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan kepada penjawat awam yang berbuat demikian," katanya.

> Ujian saringan disahkan pihak berkuasa kesihatan akan dapat mengelak majikan daripada ditipu pekerja yang mahu ambil kesempatan



*Syed Hussain Syed Husman,*
*Presiden MEF*

> Sekiranya ada fakta yang boleh membuktikan kesalahan itu dilakukan, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan kepada penjawat awam yang berbuat demikian



*Mohd Shafiq Abdullah,*
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*



# Tiada lagi pemeriksaan vaksinasi masuk masjid di Tanah Suci

**Kuala Lumpur:** Prosedur pemeriksaan status vaksinasi ke atas pengunjung dan jemaah ke Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Arab Saudi dimansuhkan mulai Khamis, menurut Kementerian Haji dan Umrah (MoHU) Arab Saudi.

Dalam satu infografik mengenai prosedur operasi standard (SOP) terbaharu yang disiarkan di laman Twitter rasminya pada Khamis, MoHU turut menghapuskan syarat mendaftarkan maklumat vaksinasi sebelum mendapatkan visa umrah bagi jemaah dari luar Arab Saudi.

SOP terbaharu itu juga termasuk batalkan syarat mendapatkan permit bagi mendirikan solat di Masjidil Haram dan menziarahi makam Nabi Muhammad (SAW), manakala syarat untuk mendapatkan permit umrah dan menziarahi Rawdah tetap dikekalkan seperti sebelum ini.

Pengunjung Haramain kini tidak lagi perlu menjaga jarak fizikal, namun masih diwajibkan untuk memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam kawasan masjid.

Selain itu, pihak kementerian turut memansuhkan syarat untuk mengemukakan keputusan negatif ujian PCR atau RTK (Ag), di samping tidak lagi mewajibkan kuarantin bagi para jemaah yang datang dari luar Arab Saudi.

BERNAMA

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 11**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Waspada konsep Satu Kesihatan dicanang WHO

**Oleh Dr Noor Dzuhaidah Osman**
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

**Pertubuhan** Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini memperkenalkan konsep Satu Kesihatan (One Health) antara lain agendanya adalah untuk menangani isu kesihatan manusia, kaitan dengan haiwan dan alam sekitar.

Ia susulan isu kesihatan yang sebelum ini hanya boleh merebak kepada manusia sahaja, tetapi kini mampu menjangkiti manusia seperti virus selsema burung dan terbaru, COVID-19 yang dilaporkan mempunyai kebolehjangkitan virus dari haiwan kepada manusia.

Pada masa sama, ada juga pihak membuat spekulasi kemungkinan jangkitan virus boleh berlaku daripada makanan kepada manusia sehingga menyebabkan kematian secara massa seperti pandemik melanda dunia ketika ini.

Oleh itu, konsep Satu Kesihatan diperkenalkan WHO untuk mencegah dan mengawal penularan pelbagai ancaman penyakit berbahaya kepada manusia sama ada virus itu berasal dari manusia, haiwan dan alam sekitar.

Perlu diketahui, aspek kesihatan dari haiwan dan alam sekitar adalah 'titik buta' yang didakwa mampu ditangani menerusi konsep Satu Kesihatan ini.

Konsep Satu Kesihatan ini asalnya diperkenalkan Pusat Kawalan Penyakit berpusat di Amerika Syarikat (AS).

Secara dasarnya konsep ini melihat kepada jenis ancaman virus atau penyakit dan langkah mengawalnya.

Kawalan kesihatan membabitkan haiwan dan alam sekitar sebelum ini lebih dikenali sebagai langkah kawalan biosekuriti.

Ia menitikberatkan penilaian dan pengurusan risiko sebagai cara berkesan membentuk sistem pengawalan serta tatacara mengendalikan haiwan dan tumbuhan.

Bagaimanapun, konsep Satu Kesihatan ini lebih mirip kepada konsep biosekuriti lebih luas, bukan sahaja mengawal pelepasan mikro organisma di luar kawalan, tetapi berupaya mengawal mikro organisma membabitkan manusia, haiwan dan alam sekitar.

Justeru, mendepani konsep ini, kerajaan harus lebih berhati-hati apabila ditawarkan atau digesa badan dunia ini jika perlu menandatangani perjanjian Satu Kesihatan kerana WHO bakal menjadi peneraju utamanya.

Sejak COVID-19 menjadi pandemik, WHO dilihat sebagai badan utama seperti 'penyelamat dunia' dengan segala protokol dan tatacara yang dicadangkan kepada seluruh negara dunia. Badan ini seolah-olah mahu meneraju konsep Satu Kesihatan pada masa akan datang.

Oleh itu bidang kuasa badan dunia ini akan lebih meluas, mencakupi juga aspek kesihatan haiwan dan alam sekitar. Dalam hal konsep Satu Kesihatan dicandangkan WHO ini perlu diteliti secara mendalam.

Jika ia memerlukan kerajaan atau negara perlu mengikat perjanjian antarabangsa yang baharu atau diubah suai, pelbagai cabaran dan masalah perlu diperhalusi serta punca kuasa badan dunia ini perlu diambil kira.

Negara mungkin terpaksa menggubal atau mengubah undang-undang sedia ada jika perlu mematuhi perjanjian yang ditetapkan badan dunia ini dan dibimbangi bertentangan dengan prinsip serta kedaulatan negara.

Walau mungkin dikatakan andaian ini masih belum matang sepenuhnya, satu kajian menyeluruh perlu dibuat sebelum negara terpaksa akur dalam keadaan terpaksa.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : LOKAL**

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

# Dakwaan mengelirukan

*Pihak tak bertanggungjawab sebar maklumat dakwa virus Covid-19 boleh dibunuh dengan menggunakan habbatus sauda*

**Shah Alam**

Agak tidak masuk akal apabila golongan yang menolak vaksin Covid-19 menyebarkan maklumat mendakwa virus itu boleh dibunuh sepenuhnya hanya menggunakan habatus sauda.

Penganalisis keselamatan dan politik Dr Noor Nirwandy Mat Noordin berkata, wujud kepercayaan baharu kononnya habatus sauda boleh membunuh virus berkenaan, sekali gus diambil peluang oleh pihak tertentu untuk mengaut keuntungan melalui penjualan produk itu.

Menurutnya, ia sekali gus menimbulkan kekeliruan serta menambah kekalutan terutama dalam kalangan pesakit Covid-19 dan individu yang tidak percaya terhadap vaksinasi.

"Mufti Perlis Dr Asri Zainul Abidin sebelum ini pernah tampil menjelaskan mengenai dakwaan serta kekeliruan sesetengah pihak berkaitan makanan sunnah itu yang mampu menyembuhkan penyakit.

"Mufti menjelaskan Nabi tidak hanya bergantung kepada makanan seperti habbatus sauda untuk sembuh. Apabila isteri nabi, Aisyah ditanyakan mengenai ilmu perubatannya, Aisyah menjawab dia belajar ilmu tersebut daripada wakil Arab yang datang mengajar bahan-bahan perubatan dan cara membancuhnya, ketika nabi sakit pada akhir hayat baginda.

"Maksudnya, nabi ini menerima perubatan yang dicadangkan oleh ahli perubatan. Nabi tak kata cukup dengan habatus sauda, ini konsep yang salah," katanya.

Noor Nirwandy menasihati golongan anti vaksin supaya tidak mengemukakan pandangan keterlaluan berhubung isu keselamatan kesihatan.

"Habatus sauda memang diperakui berkesan untuk mengubati penyakit berdasarkan khasiatnya dari sudut pandangan Islam, tetapi dalam konteks menghadapi ancaman berskala global dan mengancam keselamatan negara serta masyarakat, kita perlu lebih cenderung kepada penyembuhan dan perlindungan yang diiktiraf oleh pihak berwajib global dan negara.

"Dalam masa yang sama dunia Islam dan kesihatan awam negara boleh cuba membangunkan pelan pemulihan seperti mencipta vaksin milikan negara dan tempatan.

> *Dalam konteks menghadapi ancaman berskala global dan mengancam keselamatan negara serta masyarakat, kita perlu lebih cenderung kepada penyembuhan dan perlindungan yang diiktiraf oleh pihak berwajib global dan negara"*
>
> **Dr Noor Nirwandy Mat Noordin**

"Dari segi keselamatan kesihatan, adalah wajar kita pada masa kini menjadikan vaksin sebagai antara pilihan wajib penyelesaian permasalahan kesihatan sehingga terdapat pilihan vaksin yang lebih baik dari tempatan dan negara Islam," katanya.

Menurutnya, risiko kebergantungan pada kaedah perubatan lain akan menjejaskan program pemulihan negara.

"Tidak salah ikhtiar meningkatkan sistem imun badan bagi menghadapi Covid-19 dengan menggunakan madu dan habatus sauda namun bukan bergantung sepenuhnya pada bahan itu," katanya.

Tambahnya, kadang kala jenama yang menggunakan nama 'makanan sunnah' ini sudah disalah guna untuk mengaut keuntungan.

Sebelum ini bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri menafikan mengeluarkan kenyataan mengenai amalan habbatus sauda mampu meningkatkan sistem imunisasi, sekali gus didakwa menolak suntikan vaksin Covid-19 seperti tular di media sosial.

Kenyataan itu dianggap mengelirukan apabila wujud iklan dan promosi produk menggunakan nama Dr Zulkifli tular di laman sosial.

Kenyataan tersebut mendakwa beliau sembuh dari penyakit Covid-19 secara sendiri tanpa penggunaan vaksin kerana mengamalkan habbatus sauda untuk menguatkan sistem imun badan.

**SELUDUP DARI TURKI**

## KKM rampas produk habatus sauda tidak berdaftar

**Shah Alam:** Jual produk semburan habatus sauda tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan dakwaan kononnya mampu menyembuhkan penyakit Covid-19.

Produk diseludup dari Turki itu dikesan berlegar di pasaran dan laris dalam kalangan mereka yang menolak penggunaan vaksin.

Kegiatan itu bagaimanapun dibongkar Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (CPF JKNS) yang bertindak melakukan serbuan ke atas sebuah premis perniagaan di Kajang, Selangor.

Pengarah Kesihatan negeri Selangor Datuk Indera Dr Sha'ari Ngadiman berkata, produk habatus sauda tidak berdaftar dengan KKM itu dikesan dijual secara atas talian.



Menurutnya, pihak CPF menerima aduan dari orang ramai sebelum melakukan risikan sebelum serbuan dilakukan, kelmarin.

"Dalam serbuan itu, sejumlah 984 kotak produk dalam bentuk semburan disyaki mengandungi habbatus sauda yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), KKM dirampas.

> *Semua produk itu dianggarkan bernilai RM32,500*
>
> Dr Sha'ari

"Semua produk itu dianggarkan bernilai RM32,500.

Siasatan awal mendapati produk habbatus sauda itu dipercayai diseludup masuk dari luar negara tanpa melalui pintu masuk negara yang sah.

"Siasatan lanjut akan dijalankan di bawah Peraturan 7 (1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 dan jika sabit kesalahan, pemilik premis boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali di bawah Akta Jualan Dadah 1952," katanya.

Sehubungan itu, JKNS menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sewaktu membeli apa-apa produk kesihatan dan kosmetik yang dijual secara dalam talian serta memastikan produk kesihatan dan kosmetik yang dibeli di pasaran mematuhi keperluan undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Semakan kesahihan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik boleh dibuat dengan melayari www.npra.moh.gov.my atau dengan menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di talian 03-78835400.



SEBAHAGIAN daripada produk semburan habatus sauda yang tidak berdaftar dengan KKM yang dirampas CPF JKN Selangor.

"Sebarang aduan berkaitan produk-produk boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi melalui laman sesawang http://www.pharmacy.gov.my atau melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat http://moh.spab.gov.my.

"Orang ramai juga boleh merujuk mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi berdekatan serta menghubungi talian 03-78413200 supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk ini di pasaran," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : COVID-19**



GOLONGAN kanak-kanak menerima vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Putrajaya, semalam. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

# 48 kematian tertunggak

## *Pematuhan kepada pelaporan kes kematian akibat Covid-19 didapati kian bertambah baik*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan sebanyak 42 peratus atau 48 kes kematian dilaporkan kelmarin adalah kes kematian tertunggak atau dilaporkan melebihi tempoh 72 jam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 113 kes kematian yang dilaporkan kelmarin dan hanya 65 kematian atau 58 peratus dilaporkan menepati masa pelaporan dalam tempoh ditetapkan.

"Sejak 3 Mac lalu, proses pengumuman laporan kematian disebabkan oleh Covid-19 sudah ditambah baik. Kematian perlu dilaporkan dalam tempoh 72 jam dengan sasaran ditetapkan adalah 80 peratus daripada jumlah kes kematian.

"Ini secara langsung dapat mengurangkan pelaporan kes lewat atau *backlog*. Secara purata, dari 1 Mac hingga 8 Mac lalu, sebanyak 77 peratus daripada laporan kematian adalah menepati tempoh ini. Ini menunjukkan bahawa pematuhan kepada pelaporan kematian dari lapangan didapati kian bertambah baik daripada sebelum ini," katanya.

> "Ini secara langsung dapat mengurangkan pelaporan kes lewat"
> Dr Noor Hisham

Tambah Dr Noor Hisham, semakan pihaknya dengan semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mendapati bahawa kelewatan pelaporan kematian berkenaan adalah disebabkan faktor teknikal.

"Sebagai contoh, kes kematian yang berlaku di hospital daerah yang terletak di kawasan pedalaman termasuk kes *Brought in Dead* (BID) dan memerlukan siasatan lanjut serta laporan daripada pakar perlu dikendalikan oleh hospital besar yang berdekatan.

"Namun begitu, faktor kelewatan ini sudah diteliti dan langkah penambahbaikan, bagi memastikan ketepatan masa atau *timeliness* pelaporan kematian Covid-19 di Malaysia dapat dipertingkatkan," katanya.

# *Jumlah kes harian catat peningkatan*

**Putrajaya:** Kes jangkitan harian Covid-19 di negara ini meningkat kembali susulan pertambahan sebanyak 30,246 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah individu yang dijangkiti virus berkenaan adalah sebanyak 3,711,199 kes.

Mengulas mengenai kes yang dilaporkan itu, Dr Noor Hisham berkata ia membabitkan 29,828 kes penularan tempatan dengan 418 kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Kes kategori dua paling banyak dikesan iaitu sebanyak 20,226 kes atau 66.87 peratus, ia diikuti kategori satu (9,797), kategori tiga (115 kes) dan masing-masing 54 kes membabitkan kategori tempat dan lima.

"Daripada jumlah keseluruhan 223 kes bagi kategori tiga hingga lima, sebanyak 53.81 peratus atau 120 kes membabitkan individu berusia 60 tahun ke atas, sudah menerima dua dos vaksin namun tiada dos penggalak (107 kes), masing-masing 58 kes daripada individu yang sudah menerima dos penggalak serta tidak divaksinasi atau belum lengkap.

"Selain itu turut dilaporkan dalam kategori berkenaan adalah individu yang mempunyai komorbid iaitu dengan 53 kes serta seorang ibu mengandung," katanya semalam.

Secara keseluruhannya, daripada jumlah kes aktif di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 388 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 158 kes disahkan Covid-19 serta 230 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

"Bagi pesakit dalam ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, setakat ini terdapat 225 kes iaitu 93 kes disahkan Covid-19 serta 132 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan," katanya.

> Sebanyak 388 kes sedang dirawat di ICU dengan 158 kes disahkan Covid-19

# 30.4 peratus populasi kanak-kanak sudah terima dos pertama

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 1,078,539 individu atau 30.4 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVIDNOW, sejumlah 15,157,782 individu atau 64.4 peratus populasi dewasa negara pula sudah menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,931,610 atau 97.5 peratus sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,208,205 atau 98.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,833,876 individu atau 91.1 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,934,067 atau 94.3 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 62,983 dos vaksin diberikan kelmarin meliputi 18,781 dos pertama, 1,817 dos kedua dan 42,385 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 67,935,466.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

# Peranan PPP ketika pandemik penting



**Kuala Lumpur:** Peranan penolong pegawai perubatan (PPP) sangat penting termasuk pembabitan mereka secara aktif dalam aktiviti saringan, rawatan dan kawalan semasa pandemik Covid-19, dalam memastikan rakyat di negara ini mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata peranan PPP di perkhidmatan rawatan prahospital dan ambulans juga amat penting, dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

"Malah, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan juga merupakan sekretariat latihan bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), untuk melatih anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS)," katanya dalam catatan di laman Facebook rasmi beliau sempena sambutan Hari Pembantu Perubatan, semalam.

Menurut Dr Noor Hisham, 10 Mac setiap tahun diisytiharkan sebagai hari pembantu perubatan di seluruh negara dan ia merupakan suatu bentuk penghargaan kepada mereka atas sumbangan terhadap penyampaian perkhidmatan kesihatan.

*Ini memberikan semangat ahli profesion PPP di Malaysia untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang"*

**Dr Noor Hisham**

"Ini seterusnya memberikan impak positif terhadap motivasi serta semangat ahli profesion PPP di Malaysia untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang," katanya.

Mengenai tema sambutan tahun ini iaitu Bersama perangi pandemik ke arah kesejahteraan keluarga Malaysia, Dr Noor Hisham berkata ia mencerminkan kesungguhan warga PPP memberi perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh, profesional dan berdedikasi, bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

KIT UJIAN KENDIRI COVID-19

# Teliti harga siling

**Kuala Lumpur**

Kerajaan sedang meneliti keperluan mengkaji semula harga siling untuk Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 (Kit Ujian Kendiri) di pasaran yang dilihat antara barang keperluan rakyat ketika ini, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi** berkata kerajaan mewartakan Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 sebagai barang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan 2021 pada 24 November tahun lalu dan telah dikuatkuasakan pada 1 Disember bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

"Kerajaan sentiasa mengambil kira keperluan dan kepentingan pengguna terutama dari aspek kecukupan bekalan di pasaran serta mendapatkan harga pelitup muka dan kit ujan kendiri pada harga yang tidak membebankan.

"Sehubungan itu, penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) sentiasa dilakukan ke atas item berkaitan di setiap peringkat seperti pengilang, pemborong dan peniaga," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Cha Kee Chin (PH-Rasah)** mengenai adakah kementerian akan mengkaji semula dan mengurangkan harga siling pelitup muka serta kit ujian kendiri Covid-19, seterusnya menetapkan harga siling oximeter dan penyukat suhu yang menjadi barangan keperluan ketika ini.

Menjawab cadangan Cha berkaitan penetapan harga siling bagi peranti oximeter dan penyukat suhu, Nanta berkata ketetapan harga bagi peranti itu akan dilaksanakan sekiranya perlu.

Menjawab soalan tambahan mengenai usaha kerajaan dalam mengawal kualiti barangan bagi pelitup muka dan Kit Ujian Kendiri di pasaran, Nanta berkata kementerian itu sedang memperhalusi perkara berkenaan bagi memastikan kualitinya bertaraf standard perubatan.

"Bukan sekadar harga sahaja (yang dipantau) tetapi juga kita ingin memenuhi kualiti. Perkara itu sedang kita teliti dan akan wartakan standardnya nanti.

"Berhubung dengan Kit Ujian Covid-19 tadi, sememangnya ia di bawah bidang kuasa MDA (Pihak Berkuasa Peranti Perubatan) di bawah Kementerian Kesihatan. Jadi kementerian ini akan terus bekerjasama dengan MDA untuk memantau secara berterusan berhubung perkara itu bagi memastikan peranti ini berkualiti (di pasaran)," katanya.




KIT Ujian Pantas Antigen Covid-19 di pasaran yang dilihat antara barang keperluan rakyat ketika ini.

# JKN Johor jangka tiada kluster baharu

**Johor Bahru:** Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor menjangkakan tiada kluster baharu akan tercetus pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang sedang berlangsung sehingga menjelangnya hari pengundian esok.

Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam) JKN Johor Dr Shaharom Nor Azian Che Mat Din berkata meskipun berlaku peningkatan kes positif baharu Covid-19 di negeri ini namun ia tidak akan berlaku secara mendadak kerana penularan varian Omicron mempunyai kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi berbanding varian terdahulu.

"Selagi kita mematuhi SOP, norma baharu, saya yakin kita dapat mengekang penularan Covid-19. Kemungkinan 'kluster pilihan raya' tidak akan berlaku, tetapi semuanya bergantung terus kepada semua pihak termasuk jentera parti itu sendiri dan masyarakat untuk memastikan tiada penularan," katanya semasa menjadi tetamu pada program Suara Johor terbitan Bernama TV kelmarin.

Katanya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan JKN Johor menyebarluaskan maklumat berkaitan prosedur operasi standard (SOP) dan kempen pematuhan SOP sepanjang tempoh PRN Johor berlangsung bagi mengekang penularan wabak itu.

Beliau berkata sejak Februari, Johor melaporkan peningkatan kes Covid-19 dengan purata kira-kira 2,000 kes sehari.

Bagaimanapun, beliau berkata kebanyakan kes hanya mempunyai gejala ringan atau tidak gejala dengan lebih 95 peratus dalam kategori 1 dan 2.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 28**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Penggunaan katil ICU lebih 50 peratus

Tujuh negeri terlibat, Kelantan tertinggi dengan 79 peratus

**Oleh DIANA AZIS**

SHAH ALAM

Tujuh negeri mencatatkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus dengan Kelantan tertinggi iaitu 79 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil ICU kedua tertinggi ialah Kuala Lumpur (73 peratus), Johor (68 peratus), Putrajaya (67 peratus), Selangor (66 peratus), Pulau Pinang (51 peratus) dan Perak (51 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, terdapat tujuh negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 80 peratus iaitu di Selangor sebanyak 100 peratus, Perlis (95 peratus), Putrajaya (96 peratus), Perak (87 peratus), Kuala Lumpur (87 peratus), Terengganu (86 peratus) dan Sarawak (80 peratus).



**Tujuh negeri catatkan penggunaan katil di ICU bagi pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus.**

"Pengisian katil di Kelantan pula merekodkan 77 peratus, Melaka (69 peratus), Pulau Pinang (61 peratus), Johor (61 peratus) dan Pahang 59 peratus," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu Dr Noor Hisham turut memaklumkan, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 225 orang dengan peratusan penggunaan adalah 25 peratus.

"KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat perbezaan di antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes kategori satu hingga lima yang baru didiagnosis pada setiap hari.

"Ini memandangkan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC)," katanya.

## Kuota harian VTL Darat ditambah

KUALA LUMPUR - Kuota harian bagi penumpang di bawah inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL Darat) Malaysia-Singapura akan ditambah daripada 2,160 kepada 3,420 orang mulai Isnin depan (14 Mac).

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, keputusan itu bagi membolehkan lebih ramai penumpang merentasi sempadan Malaysia-Singapura tanpa kuarantin dan lain-lain keperluan yang dikenakan sebelum ini.

Penambahan kuota penumpang itu susulan pengumuman kementerian itu pada 16 Februari lepas untuk meningkatkan kapasiti penumpang daripada 50 peratus kepada 100 peratus.

"Penjualan tiket bas untuk tambahan kuota harian ini akan bermula esok (Khamis) bagi perjalanan mulai Isnin," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, pengendali bas yang ditetapkan di Terminal Larkin di Johor Bahru akan terus mengendalikan VTL Darat ke Singapura dan penumpang masih tertakluk kepada keperluan perjalanan sedia ada termasuk menjalani ujian praberlepas (PDT) dan ujian semasa ketibaan (OAT)," katanya. - *Bernama*

## MoHU mansuh prosedur periksa status, daftar maklumat vaksinasi

KUALA LUMPUR - Prosedur pemeriksaan status vaksinasi ke atas pengunjung dan jemaah ke Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Arab Saudi dimansuhkan mulai Khamis, menurut Kementerian Haji dan Umrah (MoHU) Arab Saudi.

Dalam satu kenyataan mengenai prosedur operasi standard (SOP) terbaharu yang disiarkan di laman Twitter rasminya pada Khamis, MoHU turut menghapuskan syarat mendaftarkan maklumat vaksinasi sebelum mendapatkan visa umrah bagi jemaah dari luar Arab Saudi.

SOP terbaharu itu juga termasuk membatalkan syarat untuk mendapatkan permit bagi mendirikan solat di Masjidil Haram dan menziarahi makam Nabi Muhammad (SAW), manakala syarat untuk mendapatkan permit umrah dan menziarahi Rawdah tetap dikekalkan seperti sebelum ini.

Pengunjung Haramain kini tidak lagi perlu menjaga jarak fizikal, namun masih diwajibkan memakai pelitup muka.

Pihak kementerian turut memansuhkan syarat untuk mengemukakan keputusan negatif ujian PCR atau RTK dan tidak lagi mewajibkan kuarantin bagi jemaah dari luar Arab Saudi. - *Bernama*

## 223 kes baharu kategori tiga hingga lima

KUALA LUMPUR - Sebanyak 223 daripada 30,246 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Rabu melibatkan kategori tiga hingga lima, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, baki 30,023 kes lagi terdiri daripada kategori satu dan dua, sekali gus menjadikan kumulatif kes positif Covid-19 negara berjumlah 3,711,199.

"Sementara itu 26,653 kes sembuh dilaporkan semalam (Rabu) menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,367,542," katanya dalam kenyataan mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19 negara pada Khamis.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 223 kes Covid-19 kategori tiga hingga lima itu, 58 kes melibatkan individu tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, manakala 107 kes telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak.

"Sebanyak 58 kes pula telah menerima dos penggalak manakala 120 kes berumur 60 tahun dan ke atas serta 53 kes mempunyai komorbid," katanya.

Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 1,929 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital pada Rabu, melibatkan 734 kes kategori tiga hingga lima dan 1,195 kes kategori satu dan dua.

Beliau berkata, nilai kadar kebolehjangkitan (Rt) Covid-19 negara kini ialah 1.06 dan antara negeri yang mencatat Rt tertinggi ialah Sarawak dengan 1.36 diikuti Kuala Lumpur (1.19), Terengganu (1.16), Perak (1.14) dan Negeri Sembilan (1.07). - *Bernama*

## Teman isteri bersalin di hospital tertakluk syarat

KUALA LUMPUR - Kebenaran bagi suami atau waris terdekat menemani isteri atau ibu hamil semasa proses kelahiran anak di wad bersalin hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah berkuat kuasa sejak Oktober 2021.

Bagaimanapun, KKM menerusi perkongsian dalam laman Facebook rasminya memaklumkan, kebenaran itu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan pematuhan ketat terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Menurut KKM, polisi dan garis panduan itu bersifat dinamik bergantung kepada situasi Covid-19 semasa dan pelaksanaannya di hospital tertakluk kepada situasi serta kapasiti atau kekangan tertentu bagi memastikan aspek penjagaan rawatan pesakit, keselamatan pesakit serta petugas kesihatan diutamakan.

"KKM sangat prihatin dan teliti dalam pelaksanaan polisi ini bagi memastikan wanita hamil serta bayi baru lahir terjaga kerana mereka merupakan golongan yang berisiko tinggi terhadap jangkitan Covid-19," menurut perkongsian itu.

Orang ramai dinasihati agar menyemak dengan hospital terdekat mengenai polisi kebenaran menemani isteri di wad bersalin.

Bagi suami atau ahli keluarga yang ingin menemani ibu hamil bersalin di hospital, mereka perlu melengkapkan vaksinasi Covid-19 iaitu 14 hari selepas menerima dos kedua vaksin Pfizer, Sinovac serta Astra Zeneca atau 28 hari selepas menerima vaksin CanSino dan Johnson & Johnson.

Selain itu, mereka juga perlu menjalani ujian pengesanan Covid-19 dalam tempoh 72 jam dan membawa keputusan ujian ke hospital atau membeli kit ujian kendiri dan menjalani ujian pengesanan di tempat saringan yang disediakan di hospital. - *Bernama*

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# SOP ulang-alik Singapura minggu depan

**Oleh FARAHWAHIDA AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my



KHAIRY Jamaluddin (tengah) bersama-sama Anuar Manap (kiri) turun padang berkempen menyantuni penduduk setempat di Kampung Tengah, Segamat.

**SEGAMAT:** Prosedur operasi standard (SOP) khas bagi perjalanan ulang-alik harian ke Singapura bagi rakyat Malaysia yang bekerja di negara itu dijangka dimuktamadkan minggu depan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, ia sedang diperinci oleh Kementerian Kesihatan terutama penelitian terhadap beberapa aspek selain perbincangan dengan pihak berkuasa negara berkenaan.

"Untuk mereka yang berulang-alik ini, jika kita syaratkan mereka kena buat ujian Covid-19 setiap kali (rentas sempadan), tidak praktikal. Jadi kita sedang memuktamadkan formula, mungkin ujian itu dibuat sekali seminggu dan mereka kena tunjuk bukti ujian yang dilakukan itu dalam tempoh seminggu.

"Saya harap minggu depan SOP ini dapat kita muktamadkan," katanya ketika ditemui di Kampung Tengah, Segamat semalam selepas bersama calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pemanis, Anuar Manap.

Tambah Khairy, perbincangan berkaitan SOP berkenaan bukan sahaja bersama Singapura, tetapi turut melibatkan negara-negara jiran lain seperti Thailand dan Brunei.

"Ini kerana sempadan darat ini melibatkan mereka yang berulang-alik setiap hari untuk tujuan kerja yang mana mereka perlu satu SOP khas yang sedikit berbeza daripada pengembara biasa," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pintu sempadan negara dibuka bermula 1 April ini.

Sementara itu, Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau menyelar dakwaan kononnya kerajaan sengaja melewatkan pembukaan sempadan negara bagi menghalang kemasukan pengundi luar khususnya mereka yang bekerja di Singapura.

Beliau berkata, kerajaan Singapura masih belum bersedia membuka sepenuhnya sempadan mereka meskipun Malaysia sudah membuat keputusan buka pintu antarabangsa itu pada 1 April ini.

"Saya nak jawab apa yang dikatakan oleh pembangkang berkaitan sempadan negara kita dengan Singapura kerana kebanyakan pengundi luar Johor yang berada di luar negara, ada di Singapura.

"Saya nak maklumkan Singapura sendiri belum sedia untuk buka sempadan negara dan (apabila) saya bangkitkan perkara ini, pihak Singapura minta tunggu dulu untuk buka sempadan darat.

"Malah, walaupun kita dah setuju buka bermula 1 April, dia (Singapura) belum setuju buka sempadan mereka, jadi di sini bukan salah kita yang mana kita sudah bersedia tetapi mereka kata belum sedia buka sepenuhnya sempadan mereka," katanya.

Khairy berkata, isu itu tidak sepatutnya dipolitikkan oleh mana-mana pihak dan perlu memahami keputusan kerajaan dalam skop yang lebih luas.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : NEWS / NATION**



*A health worker administering a Covid-19 vaccine booster shot at the Soka Gakkai vaccination centre in Klang on Wednesday.* PIC BY FAIZ ANUAR

PEAK WAS ON MARCH 2

# SECOND DEADLIEST DAY OF OMICRON WAVE

## 113 deaths recorded on Wednesday as Health Ministry improves reporting process for fatalities

TEOH PEI YING
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded 113 new Covid-19 fatalities on Wednesday, bringing the cumulative death toll to 33,497.

It is the second deadliest day on record since the Omicron variant wave began. Malaysia recorded 115 Covid-19 deaths on March 2.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the reporting process for Covid-19 deaths had been improving since March 1, with fatalities now reported within 72 hours.

He said this would reduce backlogs, with the aim of having 80 per cent of total deaths reported.

"On average, from March 1 to March 8, 77 per cent of deaths were reported. This is evidence that compliance with reporting fatalities has improved."

However, he said, only 58 per cent of Wednesday's 113 deaths met the 72-hour requirement.

"Another 48 deaths or 42 per cent were cases from more than three days ago. Checks with state Health Departments revealed the delay was due to technical factors.

"For example, deaths reported by district hospitals in rural areas, including brought-in-dead cases, require further investigation and the reports need to be managed by bigger hospitals.

"The delays have been scrutinised and measures have been implemented to improve the speed of reporting Covid-19 deaths."

Dr Noor Hisham said 30,246 new Covid-19 infections were recorded on Wednesday.

He said 26,653 more patients were discharged, bringing total recoveries to 3,367,542, or 90.7 per cent of total infections.

He said of new infections, 20,226 (66.87 per cent) were in Category 2, 9,797 (32.29 per cent) were in Category 1 and 223 cases were in Category 3, 4 and 5.

"Of the Category 3, 4 and 5 cases, 107 patients received two doses of vaccine, 58 were boosted and 58 were either unvaccinated or only had one dose of vaccine."

A total 1,929 Covid-19 patients were hospitalised on Wednesday, involving 1,195 patients in Category 1 and 2 and the remaining cases in Category 3, 4 and 5.

Daily hospital admissions fell slightly from the 1,967 patients recorded on Tuesday.

Dr Noor Hisham said the intensive care unit (ICU) bed-use rate in seven states exceeded 50 per cent, with Kelantan taking the top spot at 79 per cent.

"Up to Wednesday, 388 Covid-19 cases are being treated at ICUs, with 225 on ventilator support."

Based on data from the CovidNow portal, the hospital bed-use rate for Covid-19 and non-Covid cases was at 66.7 per cent, the ICU bed-use rate was at 59.6 per cent, the quarantine and treatment centre bed-use rate was at 30.4 per cent and 36.4. per cent of ventilators were used.

Active Covid-19 cases stand at 310,160. More than 96 per cent of patients were on home quarantine, 8,570 cases were hospitalised, 3,278 were at quarantine and treatment centres and 388 in ICUs.

Data on CovidNow showed that more than 30 per cent of children aged 5 to 11 had been vaccinated.

Up to March 8, 1,078,539 children had received the first dose of a Covid-19 vaccine.

Sarawak had the highest child vaccination rate at 59.1 per cent. It is followed by Melaka (42 per cent) and Penang (40 per cent).

Child vaccination rates in Kelantan and Terengganu were still below 10 per cent, at 8.5 and 9.9 per cent, respectively. Child vaccination rates in other states were between 17.5 and 37.3 per cent.

A total of 15,157,782 adults (64.4 per cent of the population) have received a Covid-19 booster shot.

A total of 25,765,486 people (78.9 per cent of the population) have completed primary Covid-19 vaccination.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATION / NEWS**

HALF OF BROUGHT-IN-DEAD CASES

# 'SICK SABAH ELDERLY SELF-MEDICATING'

Many unaware of Covid infection until their condition worsens or they die, says state minister

IZWAN ABDULLAH
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

RELIANCE on traditional medicine and low urgency in seeking proper medical treatment have been identified as the main reasons behind the significant number of critical Covid-19 cases involving the elderly in Sabah.

Sabah Covid-19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun, who is state Local Government and Housing Minister, said most of the Covid-19 positive cases in the state involved unvaccinated people, especially the elderly.

He said many patients were not aware of their Covid-19 infection and were self-medicating with traditional treatments, such as herbs, when they had symptoms.

"Many deaths involve the elderly. They make up half of brought-in-dead (B.I.D.) cases because they did not get early treatment.

"They were only taken to hospital when their condition worsened or when they died.

"At home, they used traditional medicine because they believe in plant roots.

"When the roots don't work and their condition deteriorates, only then they go to the hospital," he said at a press conference after his ministry's Covid-19 immunisation programme here.



*Datuk Seri Masidi Manjun*

Masidi was replying to a question on the number of Covid-19 deaths involving senior citizens in the state.

A total of 23 Covid-19 deaths were recorded in the past two weeks, with the highest daily toll reported on Wednesday at 18.

Most of the deaths were B.I.D. cases involving unvaccinated people and those aged 60 and above.

On Wednesday, 10 of the 18 deaths were B.I.D. cases.

Masidi said some people believed they could manage their illness on their own at home and did not go to the hospital to seek early treatment.

On another matter, Masidi said Sabah needed to adjust the Covid-19 standard operating procedures (SOP) ahead of the reopening of the country's borders on April 1.

He said this could only be done after the federal government issued a nationwide SOP.

"The situation in Sabah is quite challenging as we are facing an influx of people from the Philippines and Indonesia by boat and the vaccination rate in those countries are not as high ours.

"We need to coordinate the SOP, such as requiring those entering Sabah to be fully vaccinated, including those who enter by boat."

COST-EFFECTIVE, LESS BIOHAZARD WASTE

# 'Oral, nasal Covid-19 vaccines can boost inoculation rate'

**KUALA LUMPUR:** Oral or nasal Covid-19 vaccines are not only more cost-efficient, it can also help increase the inoculation rate among the vaccine-hesitant.

Academy of Sciences Malaysia senior fellow Emeritus Professor Datuk Dr Lam Sai Kit said according to the World Health Organisation (WHO), 129 vaccine candidates were undergoing human clinical trials.

"A further 194 are being developed in laboratories around the world, but not ready for clinical trials yet.

"Among the vaccines in clinical trials or still being developed are oral and nasal vaccines.

"While the development of a nasal vaccine is challenging, oral vaccines are fairly common and more acceptable, such as the Sabin vaccine against poliomyelitis, Adenovirus vaccine, Rotavirus vaccine, Cholera vaccines and oral typhoid vaccines."

He was responding to Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ahmad Amzad Hashim's remark that the National Vaccine Development Roadmap would include developing ways to administer oral or nasal Covid-19 vaccines.

Dr Lam said second-generation vaccines that could be delivered orally or nasally were better than vaccines administered by injection.

"Theoretically, oral and nasal vaccines will be easier to administer en masse and should be cheaper since there is no need for the use of syringes and needles.



*A guardian comforting a boy as he receives a dose of a Covid-19 vaccine in Putrajaya yesterday.* PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

"Nasal and oral vaccines will help those who are not vaccinated because of the fear of needles.

"There will also be less biohazard waste since no syringes and needles are used."

Dr Lam said clinical trials were more challenging as many people were already vaccinated with vaccines approved by the United States Food and Drug Administration (FDA) and the WHO.

He said results of clinical trials were promising, but more data from larger trials were needed.

He said despite the challenges, many nasal vaccines had successfully been developed in the past, such as the FluMist nasal vaccine for influenza A, which took decades to develop.

"Respiratory viruses like influenza and Covid-19 infiltrate the body through the nose and mouth, so it makes sense to prevent these viruses from getting a foothold in the upper airways, preventing infection by blocking the virus at its point of entry before it takes hold and replicates in the body.

"It is hoped that nasal vaccines will stimulate the production of immunoglobulin A (IgA), which will protect the upper respiratory tract.

"Oral vaccines will stimulate both systemic production of specific circulating immunoglobulin G (IgG), as well as immunoglobulin A (IgA), which will protect mucosal surfaces in the respiratory and gastrointestinal tracts against infection."

He said the US, France, Israel, Russia and India were among the countries developing oral and nasal Covid-19 vaccines.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : NATION**

# 30,246 new Covid-19 cases, only 223 serious

**KUALA LUMPUR:** Only 223 out of 30,246 new Covid-19 cases recorded on Wednesday were in Categories Three, Four and Five, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the other 30,023 cases comprised Categories One and Two, with the additional new cases bringing the case tally in the country to 3,711,199.

"Meanwhile, a total of 26,653 recovered cases were reported, bringing the cumulative total of recoveries to 3,367,542," Bernama quoted him in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said of the 223 new cases in Categories Three to Five, 58 were patients who were unvaccinated or had not been fully vaccinated; 107 cases had received two doses of Covid-19 vaccine but had not received a booster; and 58 cases had received a booster dose.

"A total of 120 cases involved those aged 60 and above; 53 with comorbidities," he said.

Dr Noor Hisham also said ICU bed occupancy in seven states recorded 50% or more occupancy, namely Kelantan (79%); Kuala Lumpur (73%); Johor (68%); Putrajaya (67%); Selangor (66%); Penang and Perak (51%) each.

As for the infectivity rate (Rt), Dr Noor Hisham said it was now 1.06 with Sarawak recording the highest Rt of 1.36 followed by Kuala Lumpur (1.19), Terengganu (1.16), Perak (1.14) and Negri Sembilan (1.07).

**AKHBAR** : THE SUN ON FRIDAY
**MUKA SURAT** : 4
**RUANGAN** : NEWS WITHOUT BORDERS

# Tourism industry players ready for influx of tourists

Many making preparations to receive anticipated high volume of foreign visitors with reopening of borders

**KUALA LUMPUR:** Local tourism industry players are ready for the reopening of borders on April 1, in anticipation of throngs of tourists who are expected to take advantage of the relaxed entry requirements.

Some industry players are preparing by training to their staff to receive foreign tourists under the new norm while others are promoting attractive and new tourism products.

Mitra Group of Travel Companies group president Tunku Iskandar Tunku Abdullah said the group has been anticipating reopening of the borders as domestic tourism has been severely impacted by the pandemic since 2020.

"As an industry player, we are happy with the announcement by the prime minister. I think it is what we have all been waiting for in the last two years.

"The industry has been severely hit and many companies have shut down. Many have also been laid off due to drastic losses in the travelling business," Tunku Iskandar said.

He added that as preparation to resume receiving tourists, the Mitra Group would open a new resort with new attractions featuring the concept of "Snow Tourism".

Meanwhile, Star Travel Agency chief executive officer Harinder Kaur said the announcement was positive news for travel agencies nationwide, as all of them have been waiting to resume operations, Bernama reported.

"To get back into business, we have been reconnecting with our partners around the Asia region with our packages, rates, hotel preparations and other considerations.

"We are already getting many inquiries from all over the world. People are asking about our itineraries and we have to closely work on our sites to embrace the reopening of the tourism sector," she said.

Harinder added that with the reopening of borders, the nation would be able to increase its revenue in the tourism sector, which would be a boost for the economy and also its image in the sector.

Meanwhile, Langkawi Tourism Association chief executive officer Zainudin Kadir said with the announcement, the association expects 2.5 million tourists to visit Langkawi by end of this year, with 60% foreign visitors.

"The association members are ready mentally and physically to accept tourists from around the globe with better trained staff who are equipped with the knowledge of the new endemic norms.

"We are also ready to initiate a campaign called 'Jom Ke Langkawi,' that has a special promotion for local tourists, who are eligible for a free night's stay for every three days-two nights stay in Langkawi," he said.

**WORK VISIT ...** Health Minister Khairy Jamaludin being briefed on the operations of the Bukit Gambir Ledang government clinic during his tour of facilities in Johor yesterday. – *BERNAMAPIX*




## Malaysia, Indonesia to sign recruitment deal

**SEBERANG JAYA:** Malaysia and Indonesia will sign a memorandum of understanding (MoU) on March 17 for the recruitment of foreign workers from the republic.

Human Resources Minister Datuk Seri M. Saravanan said issues pertaining to minimum wage and scope of employment have been discussed.

"We have reached an agreement on several issues," he said yesterday.

Earlier, Saravanan officiated at a forum by the Human Resources Development Corp (HRD Corp), which was also attended by Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Zuraida Kamaruddin.

Saravanan said his ministry received 200,000 applications for recruitment of workers from Bangladesh, adding that the screening process was ongoing.

On another matter, he said his ministry seriously views the issue on forced labour, and expressed determination to address the problem immediately.

"This includes ratifying the 2014 Protocol to the ILO Convention on Forced Labour, and complying with the 11 guidelines outlined by the International Labour Organisation, including providing workers with (appropriate accommodation).

"For that, the ministry has made it compulsory for employers who want to employ foreign workers to fully comply with the Minimum Standards of Housing, Accommodation and Employee Facilities Act."

On the hiring of workers at nasi kandar restaurants, Saravanan said the quota for foreign workers at such eateries would remain the same, although some of the establishments would be allowed to operate 24 hours.

"I would like to call on these operators to increase the recruitment of local workers as the recruitment quota for foreign workers will remain the same and will not be increased," he added. – Bernama

## Health DG commends assistant medical officers

**KUALA LUMPUR:** Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday that the role of assistant medical officers (AMO) is very important as it includes involvement in Covid-19 screening, treatment and control during the pandemic to ensure the people receive the best health services.

He said the role of AMO in pre-hospital and ambulance services are crucial in delivery of health services to the community.

"The Assistant Medical Officer Service Branch is also the training secretariat for the Health Ministry to train members of the Emergency Medical Rescue Services under the Fire and Rescue Department," he said in a Facebook post in conjunction with Assistant Medical Officers Day yesterday.

Noor Hisham said Assistant Medical Officers Day is observed on March 10 every year to appreciate all AMO for their contribution in various health sectors.

"This has a positive impact on their work culture and morale, to continue playing an important role to serve better."

He added that the theme "Together in Fighting the Pandemic for Keluarga Malaysia's Well-being", reflects the commitment of AMO in providing comprehensive, professional and dedicated health services.

"Thank you to all AMO heroes and heroines for your commendable services, sacrifices and dedication. You are indeed Malaysian heroes," he added. – Bernama

## 22.9 million adults fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,078,539 (30.4%) of children in the country have received their first dose of Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Wednesday.

The CovidNOW website showed 15,157,782 (64.4%) of the adult population have received their booster shots and 22,931,610 (97.5%) have completed their vaccination, while 23,208,205 (98.7%) have received at least one dose.

A total of 2,833,876 adolescents aged 12 to 17 (91.1% of the group) have completed their vaccination while 2,934,067 (94.3%) have received at least one dose.

On Wednesday, 62,983 doses were administered, with 18,781 as first shots, 1,817 as second doses and 42,385 as boosters, with the cumulative total doses given under the National Covid-19 Immunisation Programme at 67,935,466.

The Health Ministry GitHub portal showed 113 recorded Covid deaths on Wednesday, with Selangor recording 22, followed by Sabah with 18, Johor with 14, Kedah with 12, Penang with 10 and nine in Pahang.

Perak recorded seven deaths, while Negri Sembilan had six, Terengganu had four, Kelantan with three, and Malacca, Perlis, Sarawak, Kuala Lumpur reported two cases each. – Bernama